

RESEARCH ARTICLE

Penggunaan Lambang Haiwan dalam Peribahasa Dusun-Melayu yang Berbentuk Nasihat atau Pedoman: Satu Perbandingan

Philiadiran Philip* and Mohd Nor Azan Abdullah

Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.

ABSTRAK - Bahasa Dusun dan bahasa Melayu merupakan bahasa-bahasa di bawah rumpun Austronesia. Bahasa Dusun dan bahasa Melayu memiliki persamaan khususnya dalam penggunaan peribahasa dalam komunikasi. Peribahasa merupakan salah satu cabang seni tradisional yang pada mulanya lebih dikenali sebagai perumpamaan atau ungkapan cantik. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji perbandingan makna tersirat dan tersurat penggunaan lambang haiwan dalam peribahasa Dusun-Melayu yang berbentuk nasihat atau pedoman. Kajian ini berbentuk kajian kualitatif. Kajian ini juga telah mengaplikasikan teori relativiti linguistik Humboldt (1767-1835) dan hipotesis Sapir (1921). Data peribahasa Dusun dikumpul daripada buku teks Kadazandusun tingkatan satu hingga tingkatan lima. Peribahasa Melayu pula dikumpul dengan merujuk Kamus Istimewa Peribahasa Melayu dan Kamus Peribahasa Edisi Keempat. Untuk mencapai matlamat kajian, penyelidik juga telah menggunakan kaedah temu bual terhadap beberapa informan terpilih dan membuat analisis dokumen terhadap kamus-kamus bahasa, buku, artikel jurnal dan dokumentasi-dokumentasi berkaitan. Di samping itu, penyelidik juga menggunakan pendekatan semantik inkuisitif dalam penganalisan data. Hasil kajian mendapati bahawa kesemua peribahasa Dusun yang berbentuk nasihat atau pedoman yang dikaji memiliki kesamaan makna dengan peribahasa Melayu. Selain itu, semua perlambangan haiwan yang digunakan dalam peribahasa Dusun dan Melayu memiliki makna yang tersendiri. Kajian ini membuktikan bahawa penggunaan lambang haiwan dalam peribahasa Dusun dan Melayu berkait rapat dengan budaya dan pemikiran masyarakat. Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan keunikan bahasa, melambangkan identiti serta merepresentasikan nilai-nilai budaya masyarakat Dusun dan Melayu.

ARTICLE HISTORY

Received: 18 July 2024

Revised: 29 July 2025

Accepted: 29 August 2025

Published: 25 September 2025

KATA KUNCI

Bahasa Dusun

Bahasa Melayu

Lambang haiwan

Pendekatan semantik inkuisitif

Peribahasa

The Use of Animal Symbols to Illustrate Advice or Guidance in the Dusun-Malay Proverbs: A Comparison

ABSTRACT – The Dusun and Malay languages, both belonging to the Austronesian family, share notable similarities, particularly in the use of proverbs as a form of communication. Proverbs, regarded as a branch of traditional art, were once more commonly referred to as parables or beautiful expressions. This study aims to compare the implicit and explicit meanings conveyed through animal symbols in Dusun and Malay proverbs, especially those used to impart advice or guidance. The analysis is grounded in Humboldt's (1767–1835) theory of linguistic relativity and the Sapir hypothesis (1921). Data on Dusun proverbs were obtained from the Kadazandusun textbooks for Forms One to Five, while Malay proverbs were collected from Kamus Istimewa Peribahasa Melayu and Kamus Peribahasa Edisi Keempat. To achieve the objectives, the study also employed interviews with selected informants and a literature-based approach, drawing on language dictionaries, books, journal articles, and related documentation. Additionally, an inquisitive semantic approach was applied in analyzing the data. The results revealed that all Dusun proverbs in the form of advice or guidance presented in this study share equivalent meanings with Malay proverbs. Furthermore, the use of animal symbolism in both Dusun and Malay proverbs carries distinct cultural significance, with each animal symbol embodying specific meanings. These results highlight the close connection between animal symbolism, culture, and worldview in both communities. In summary, the study demonstrates that the use of animal symbols in Dusun and Malay proverbs reflects the uniqueness of language, serves as a marker of identity, and represents the cultural values of the two communities.

KEYWORDS

Animal symbolism

Dusun language

Inquisitive semantic approach

Malay language

Proverbs

1.0 PENGENALAN

Peribahasa merupakan gabungan dua kata iaitu 'peri' dan 'bahasa'. Kata peri merujuk hal, keadaan, sifat, cara, kejadian dan peristiwa, sementara kata bahasa adalah satu sistem lambang bunyi yang digunakan oleh manusia untuk meluahkan fikiran dan perasaan, atau menyampaikan konsep bagi mewakili benda, tindakan, idea dan keadaan dalam suatu pertuturan supaya dapat difahami oleh pendengar Hamzah & Hassan (2011). Peribahasa merupakan salah satu cabang seni tradisional lisan iaitu mencerminkan kearifan lokal, nilai-nilai masyarakat serta keindahan bahasa yang diwariskan turun-temurun dalam bahasa Melayu dan bahasa Dusun (Buyoh et al., 2021). Malahan kedudukan peribahasa sebagai salah satu daripada cabang sastera lama tidak hanya terhad kepada bahasa Dusun dan Melayu tetapi oleh hampir semua bangsa di dunia (Hassan, 1997). Oleh itu, tidak hairan bahawa peribahasa turut digunakan oleh kebanyakan bangsa di dunia sebagai suatu bentuk komunikasi berkesan untuk menyampaikan mesej yakni buah fikiran, perasaan atau konsep.

Peribahasa dalam bahasa Inggeris diterjemahkan sebagai 'proverb' dan dalam bahasa Dusun ia dipanggil dengan istilah tukadan. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), peribahasa merupakan ayat atau kelompok kata yang mempunyai susunan yang tetap dan mengandungi pengertian yang tertentu. Menurut Andrea et al. (2023), peribahasa adalah suatu bentuk kebahasaan yang amat lazim digunakan khususnya dalam mengungkapkan apa yang terlintas pada alam pemikiran manusia. Peribahasa juga ditakrifkan sebagai susunan cakap pendek yang telah melekat di mulut orang ramai sejak dahulu sebab sedap didengar dan bijak perkataannya, luas dan benar tujuannya (Ahmad, 1965). Menurut Akbar (2020), peribahasa merupakan ungkapan tidak langsung yang memiliki makna tersirat dalam setiap penyampaiannya dan difahami oleh pendengar dan penyampai. Peribahasa digunakan oleh masyarakat tradisional sebagai suatu ungkapan yang bertujuan untuk menyampaikan maksud-maksud tertentu dengan cara yang halus dan berlapik (Zahid, 1998).

Pada awalnya, peribahasa dikenali sebagai perumpamaan atau ungkapan cantik (Salim, 2011). Hassan (1997) menyatakan bahawa peribahasa merupakan satu daripada cabang sastera lama yang digunakan oleh hampir seluruh bangsa di dunia. Seiring dengan perkembangan penyelidikan bahasa, peribahasa tidak lagi dilihat dari aspek-aspek keindahan bahasa atau sebagai warisan seni dalam sesebuah bahasa semata-mata tetapi lebih tertumpu kepada makna tersurat atau tersirat dalam peribahasa yang menyumbangkan kepada pembangunan masyarakat masa kini. Justeru, Jalaluddin et al. (2012) mengatakan bahawa peribahasa adalah satu bentuk evolusi dalam pemikiran masyarakat dan penjana makna tersurat dan tersirat dalam peribahasa menunjukkan kemajuan dan transformasi bahasa. Di samping itu, peranan peribahasa sebagai ungkapan berlapik dalam bentuk yang ringkas untuk tujuan menyampaikan maksud yang padat dengan nasihat dan teguran menjadikannya sebagai suri teladan kepada masyarakat serta menjadi panduan dalam hidup (Murthy & Subet, 2018). Menurut Sarudin dan Shanmugam (2023), peribahasa dapat membentuk sikap yang positif dan memberikan pengajaran kepada masyarakat. Dengan kata lain, peribahasa digunakan sebagai salah satu cara berkomunikasi oleh seseorang untuk memberikan peringatan, nasihat dan kritikan untuk tujuan kebaikan tanpa membuatkan orang lain tersinggung atau sakit hati.

Bagi masyarakat Dusun tradisional khususnya, peribahasa atau tukadan digunakan dalam kehidupan sehari-hari (Buyoh et al., 2021). Penggunaan peribahasa atau tukadan oleh masyarakat Dusun tradisional dapat diteliti menerusi tiga aspek utama iaitu sebagai (i) medium menasihati, menegur dan menyindir; (ii) medium memuji dan mencela; dan (iii) medium menggambarkan sesuatu keadaan (Buyoh et al., 2021). Walaupun peribahasa atau tukadan telah digunakan oleh nenek moyang kita sejak dahulu lagi namun budaya penggunaannya masih mampu untuk menyuntik keindahan dalam pertuturan dan penulisan sehingga ke hari ini. Menurut Said et al. (2015), peribahasa secara analoginya merupakan refleksi kepada kemahiran berfikir aras tinggi masyarakat. Tidak hairan bahawa peribahasa kekal relevan untuk digunakan dalam penulisan dan pertuturan sehingga kini kerana memiliki unsur kemahiran berfikir aras tinggi yang akan terus berkembang sihat tanpa dimamah arus pemodenan sejajar dengan meningkatnya kesedaran masyarakat tentang penyelidikan bahasa. Hal demikian kerana peribahasa memiliki kedalaman makna yang ampuh untuk mendukung maksud sesuatu situasi dalam konteks yang berbeza-beza, merentasi masa dan mengikut keperluan zaman (Said et al., 2015).

Oleh kerana kehidupan tradisi masyarakat Dusun sangat rapat dengan alam semula jadi, maka tidak hairan bahawa banyak peribahasa Dusun menggunakan perlambangan alam semula jadi. Idea-idea penciptaan peribahasa ini tercetus hasil daripada pengamatan dan tafsiran masyarakat terhadap alam sekitar dan dikaitkan pula dengan ciri-ciri atau perlakuan masyarakat itu sendiri (Gitom et al., 2020). Oleh itu, kajian perkaitan semantik dalam peribahasa adalah amat penting agar makna sesebuah peribahasa dapat dikupas dengan lebih sistematik dan membawa kepada pemahaman makna peribahasa secara lebih tuntas (Subet & Md Nasir, 2019). Menurut Nathesan (2008), semantik merupakan bidang ilmu yang mengkaji makna perkataan dan ayat dalam bahasa. Menurut Jalaluddin (2014), beliau mendefinisikan semantik sebagai ilmu linguistik yang menjurus kepada makna dan pentafsiran makna. Selain itu, semantik juga ditakrifkan sebagai kajian tentang lambang atau tanda yang menyatakan makna, hubungan antara satu makna dengan makna yang lain serta pengaruh makna terhadap masyarakat (Subet & Md Nasir, 2019). Penyelidik telah menggunakan pendekatan semantik skrip dan semantik inkuisitif untuk menerangkan penggunaan perlambangan dalam peribahasa. Penggunaan pendekatan semantik tersebut dapat mengupas lebih dalam makna peribahasa secara tersurat dan tersirat.

Sehubungan dengan itu, kertas kerja ini akan melakukan perbandingan peribahasa Dusun dan peribahasa Melayu untuk melihat kesamaan makna terhadap beberapa peribahasa yang bersifat nasihat atau pedoman. Kertas kerja ini turut membahaskan tentang signifikansi penggunaan perlambangan tertentu dalam sesebuah peribahasa Dusun dan kesamaannya dengan peribahasa Melayu. Kajian ini penting sebagai tatapan generasi seterusnya agar mereka lebih mengetahui dan memahami keunikan warisan budaya bangsa.

1.1 Sorotan Kajian Lepas

Penggunaan peribahasa merupakan satu kepelbagaian yang terdapat pada sesebuah bahasa. Misalnya, peribahasa digunakan dalam karya sastera lisan, memiliki nilai estetik bahasa, memiliki fungsi sosial dan pendidikan, dan mencerminkan budaya masyarakat. Peribahasa mempengaruhi komunikasi masyarakat kerana ia dipelajari secara lisan dan digunakan dalam komunikasi sehari-hari. Peribahasa juga memiliki struktur tetap namun boleh disesuaikan sesuai dengan konteks (Abd. Rahman, 2013). Penggunaan peribahasa dalam sesebuah bahasa bukan sahaja menunjukkan keindahan pada sesebuah bahasa tetapi ia merupakan satu bentuk kesantunan bahasa yang bertujuan menjaga keharmonian dan menunjukkan nilai hormat-menghormati sesama manusia dan juga kepada alam semula jadi (Sintian, 2012). Menurut Lakoff (1975), prinsip kesantunan bahasa ini dibangun oleh masyarakat untuk tujuan mengurangkan pergeseran khususnya dalam interaksi peribadi, sekali gus menjadi strategi untuk mengelakkan konflik. Begitu juga dengan pandangan (Anis & Esa, 2012) yang menyatakan bahawa bahasa-bahasa kiasan dalam peribahasa bertujuan untuk menjaga kesejahteraan sosial dalam sesebuah kelompok masyarakat. Peribahasa Dusun dan Melayu adalah salah satu warisan tradisi masyarakat Dusun dan masyarakat Melayu yang digunakan sebagai medium untuk menyampaikan sesuatu mesej dengan kata-kata berlapik, halus dan tidak mengguris hati pendengar. Terciptanya peribahasa bersangkut-paut dengan budaya dan cara hidup masyarakat tradisional. Ia adalah hasil daripada tanggapan masyarakat terhadap persekitaran mereka dengan gabungan hasil pemahaman mereka terhadap alam nyata (Omar, 2003).

Kajian peribahasa Dusun adalah agak terbatas dan tidak sepenuhnya menumpukan penelitian terhadap makna setiap lambang yang terkandung dalam peribahasa tersebut. Misalnya, dalam kajian (Sintian, 2012) hanya mengkaji fungsi-fungsi peribahasa Dusun. Dalam kajian tersebut, Sintian (2012) menyatakan bahawa peribahasa Dusun berfungsi sebagai (i) medium menasihati, menegur dan menyindir; (ii) medium memuji dan mencelah; dan (iii) medium menggambarkan sesuatu keadaan. Kajian tersebut telah mengungkapkan pesan atau mesej di sebalik peribahasa Dusun yang diketengahkan dalam artikel. Walau bagaimanapun, pengkaji tersebut tidak menerangkan signifikan perlambangan yang terkandung dalam peribahasa Dusun secara tuntas.

Selain itu, kajian (Kiting et al., 2022) ada menerangkan beberapa peribahasa Dusun dengan menyatakan signifikan perlambangan yang terkandung dalam peribahasa Dusun tersebut. Antara peribahasa Dusun yang dibincangkan dalam kajian tersebut ialah '*katalib nogi mananglansat om korikot nogi o mangkawot*' dan '*lansat-lansat i nangku tu opisak*'. Misalnya, Kiting et al. (2022) memberikan penjelasan mengapa '*mangkawot*' (kelawar) yang terkandung dalam peribahasa Dusun dijadikan sebagai perumpamaan. Kajian tersebut menggambarkan bahawa analisis wacana khususnya dalam menyatakan signifikan perlambangan yang terkandung dalam peribahasa Dusun harus dilihat daripada pelbagai sudut bagi memberikan maksud suatu bentuk tafsiran yang bersepadu. Menurut Kiting et al. (2018), tafsiran sesuatu wacana perlu tepat mengikut konteks dan bergantung kepada persepsi, budaya, kepercayaan, ideologi serta latar pendidikan. Walaupun begitu, kajian tersebut hanya membincangkan beberapa peribahasa Dusun yang berbentuk nasihat atau pedoman. Kajian tersebut juga tidak membandingkan kesamaan makna dalam peribahasa Dusun dengan peribahasa Melayu.

Seterusnya, dalam artikel Buyoh et al. (2021) mengkaji peribahasa Dusun dengan mengenal pasti kelompok tema utama *tukadan* (peribahasa Dusun) serta mengenal pasti nilai-nilai murni yang terkandung dalam setiap *tukadan* (peribahasa Dusun). Buyoh et al. (2021) telah menjadikan buku teks bahasa Kadazandusun tingkatan satu sehingga tingkatan lima sebagai rujukan utama untuk mendapatkan data berkenaan *tukadan* atau peribahasa Dusun. Hasil kajian pengkaji tersebut mendapati bahawa peribahasa Dusun dapat dibahagikan kepada beberapa aspek utama seperti bentuk peribahasa Dusun, kelompok tema peribahasa Dusun berdasarkan makna, dan nilai-nilai murni dalam peribahasa Dusun. Walau bagaimanapun, kajian tersebut tidak mengupas dengan tuntas berkenaan signifikan penggunaan lambang yang terdapat dalam peribahasa Dusun. Selain itu, kajian tersebut juga tidak membincangkan perbandingan peribahasa Dusun dan peribahasa Melayu.

Kajian Sarudin dan Shanmugam (2023) adalah satu bentuk perbandingan peribahasa yang melihat perspektif tanggapan masyarakat daripada bangsa atau budaya yang berlainan. Antara matlamat utama dalam kajian pengkaji tersebut adalah membandingkan penggunaan imej 'lebah' dalam peribahasa Melayu dan peribahasa Tamil berdasarkan nilai budaya dan falsafah masyarakat. Sarudin dan Shanmugam (2023) mendapati penggunaan imej 'lebah' dalam peribahasa Melayu menggambarkan perspektif masyarakat Melayu yang mengamati lebah sebagai serangga yang sangat rajin bekerja dan menghimpunkan madu untuk kegunaan manusia. Penggunaan imej 'lebah' dalam peribahasa Tamil pula menggambarkan perspektif masyarakat Tamil yang melihat lebah sebagai pembawa tuah. Tidak dapat dinafikan bahawa kajian Sarudin dan Shanmugam (2023) boleh dijadikan sebagai rujukan yang baik dalam kajian. Namun begitu, kajian tersebut hanya terhad kepada nilai kerajinan sahaja dan sama sekali tidak membincangkan peribahasa Dusun.

Kajian Daud dan Subet (2022) membincangkan tentang imej perlambangan ayam yang terkandung dalam peribahasa Melayu. Menurut penyelidik tersebut, sifat ayam telah dijelmakan oleh masyarakat Melayu sejak zaman dahulu lagi untuk mencerminkan sikap atau kelakuan manusia secara implisit. Daud dan Subet (2022) menggunakan pendekatan yang sistematik dengan memanfaatkan pendekatan semantik skrip, semantik resonans, dan semantik inkuisitif dalam menganalisis imej perlambangan ayam dalam peribahasa Melayu. Daripada kajian tersebut, Daud dan Subet (2022) menyimpulkan bahawa masyarakat Melayu bijak mengasimilasikan kejadian alam sekeliling mereka dengan sikap dan kelakuan manusia secara berkias dengan menggunakan imej perlambangan dalam peribahasa Melayu. Walau bagaimanapun, kajian tersebut tidak melakukan perbandingan peribahasa khususnya membandingkan peribahasa Melayu dengan peribahasa dalam bahasa lain. Dengan erti kata lain, skop kajian tersebut hanyalah tertumpu kepada kajian imej perlambangan 'ayam' dalam peribahasa Melayu sahaja.

Seterusnya, kajian (Murthy & Subet, 2018) turut mengkaji imej perlambangan yang terkandung dalam peribahasa. Pengkaji tersebut menganalisis semua peribahasa Tamil yang menggunakan perlambangan alam seperti rumput. Murthy dan Subet (2018)

menekankan bahawa setiap satu peribahasa Tamil yang memiliki perlambangan alam 'rumput' membawa makna yang signifikan dan memiliki ikatan yang kukuh dengan budaya serta akal budi masyarakat. Murthy dan Subet (2018) menyimpulkan bahawa penggunaan peribahasa mampu memberikan kesedaran kepada masyarakat untuk menjiwai kepentingan peribahasa dan menuntun masyarakat ke arah perkara-perkara yang positif. Namun begitu, kajian tersebut hanya mengkaji imej perlambangan yakni 'rumput' yang terkandung dalam peribahasa Tamil sahaja. Pengkaji tersebut juga tidak mengkaji perbandingan peribahasa khususnya dalam aspek penggunaan pelbagai imej perlambangan dalam peribahasa dan mengupas kesamaan makna peribahasa dalam bahasa Tamil dengan bahasa-bahasa lain.

Sorotan kajian lepas membantu penyelidik untuk melihat kelompangan kajian khususnya perbandingan peribahasa Dusun dan peribahasa Melayu dengan menggunakan pendekatan semantik inkuisitif. Tidak dapat dinafikan bahawa aspek bahasa, budaya dan cara hidup masyarakat Dusun dan Melayu adalah faktor utama yang membawa kepada pelbagai perbezaan dalam ungkapan peribahasa Dusun dan Melayu. Menurut Sarudin dan Shanmugam (2023) perbandingan nilai falsafah peribahasa daripada bahasa-bahasa yang berbeza haruslah dilihat daripada konteks kehidupan masyarakat khususnya dari segi budaya. Oleh itu, penyelidik menganalisis beberapa persamaan dan perbezaan dalam peribahasa Dusun dan Melayu dengan melihat perspektif budaya dari pelbagai sudut. Makna sesebuah peribahasa mungkin sama tetapi signifikan perlambangan yang terkandung dalam peribahasa Dusun dan Melayu memiliki takrifan tersendiri berdasarkan aspek budaya masing-masing.

1.2 Penyataan Masalah

Peribahasa merupakan warisan bangsa dengan nilai estetika yang tinggi. Susunan bahasa ini mampu untuk merumus sesuatu konteks dengan bersahaja dan mendalam. Pada masa kini, golongan muda kebanyakannya mengalami kesukaran untuk memahami peribahasa Melayu dan Dusun apatah lagi dalam pertuturan dan penulisan. Menurut (Sintian, 2019), ramai dalam kalangan remaja dan pelajar yang tidak mengenali *poinkadan* (tukadan atau peribahasa Dusun) kerana masyarakat Dusun pada masa kini yang tidak mempraktikkan penggunaan bahasa Kadazandusun/Dusun sepenuhnya apabila bertutur. Hal yang sama turut berlaku dalam kalangan penutur bahasa Melayu yang jarang menggunakan peribahasa dalam pertuturan sehari-hari dan tidak kurang juga dalam kalangan mereka yang lemah dalam memahami maksud peribahasa. Kenyataan ini disokong oleh kajian (Jalaluddin & Kasdan, 2010) yang menyatakan bahawa remaja masa kini hidup dalam era sains dan teknologi dan mereka lebih selesa dengan bahasa yang dianggap moden tanpa unsur sastera lama dan tidak menggambarkan bahasa klasik. Yang lebih merisaukan ialah golongan muda lebih suka mencipta ciapan-ciapan sendiri yang lebih cenderung berdasarkan penggunaan sezaman yang dipengaruhi oleh medium-medium hiburan melalui media sosial. Hal ini mendorong kepada menularnya penggunaan bahasa rancu yakni bahasa yang tidak teratur dan bercampur aduk (Mohd Faizal et al., 2022).

Menurut Sintian (2019), peribahasa atau *tukadan* dalam makalah atau karya-karya lama tidak lagi difahami dan digunakan dalam pertuturan oleh golongan muda. Kesukaran semua lapisan masyarakat untuk memahami makna tersurat mahupun tersirat sesebuah peribahasa dimulai dengan kegagalan untuk memahami lambang atau tanda yang terkandung dalam peribahasa. Kenyataan ini selari dengan pendapat (Saimon & Hamzah, 2019) yang mengatakan bahawa penggunaan perkataan dalam peribahasa sukar untuk difahami dan perkataan yang digunakan juga amat asing didengari menyebabkan pengguna bahasa sukar untuk mentafsir makna peribahasa. Ini menyebabkan pelbagai konsep, pemikiran dan ajaran yang terkandung dalam peribahasa tidak dapat difahami dan penyampaian akal budi dalam peribahasa juga tidak sampai kepada masyarakat (Saimon & Rashid, 2022). Kajian ini dapat menyumbangkan ilmu pentakrifan kepada elemen-elemen atau perlambangan yang digunakan dalam peribahasa. Selain itu, kajian ini juga menyajikan kupasan makna tersurat dan tersirat peribahasa Dusun serta perbandingannya dengan peribahasa Melayu.

Objektif kajian ini adalah seperti yang berikut:

1. Mengenal pasti persamaan makna peribahasa Dusun dan Melayu yang berbentuk nasihat atau pedoman.
2. Menganalisis makna tersurat dan makna tersirat penggunaan lambang haiwan dalam peribahasa Dusun dan Melayu yang berbentuk nasihat atau pedoman.

2.0 METODOLOGI

2.1 Rekabentuk Kajian

Penyelidik mengaplikasikan teori relativiti linguistik Humboldt (1767-1835) dan hipotesis Sapir (1921) dalam melaksanakan penyelidikan perbandingan peribahasa Dusun-Melayu. Teori relativiti linguistik yang dipelopori oleh Wilhelm von Humboldt menyatakan bahawa bahasa, budaya dan pemikiran masyarakat adalah berhubungkait antara satu sama lain (Angelianawati, 2018; Hamzah & Hassan, 2011). Menurut Pollard (1997), "*different languages embody distinct realities*" yang bermaksud bahawa setiap satu bahasa melekatnya realiti dunia yang unik dan berbeza-beza.

Teori relativiti linguistik Humboldt (1767-1835) dan hipotesis Sapir (1921) yang diterapkan dalam penyelidikan ini dapat dikategorikan kepada beberapa aspek iaitu;

- i. bahasa mempengaruhi fikiran,
- ii. bahasa bersifat unik atau khas, dan
- iii. relativisme budaya.

Dalam aspek yang pertama yakni bahasa mempengaruhi fikiran, ia berlaku melalui pembiasaan dan bagaimana struktur bahasa tersebut diungkapkan secara formal dari segi tatabahasa dan kosa kata. Menurut Sapir (1921), tatabahasa dan kosa kata merupakan

penentu kepada representasi konseptual oleh penutur dalam sesebuah bahasa. Maka, setiap masyarakat yang memiliki perbezaan bahasa khususnya bahasa pertama atau bahasa ibunda akan mempunyai cara pandang yang berbeza terhadap sesuatu hal. Begitu juga dengan terbentuknya ungkapan fatis seperti peribahasa dalam setiap bahasa yang dipengaruhi oleh cara pandang masyarakat terhadap sesuatu fenomena yang berlaku di sekeliling mereka.

Aspek yang kedua iaitu bahasa bersifat unik atau khas menerangkan bahawa setiap bahasa memiliki ciri-ciri khas tersendiri yang membezakannya dengan bahasa lain dan perbezaan ciri khas dalam sesebuah bahasa merupakan keunikan bahasa tersebut. Contoh paling jelas menerusi struktur bahasa dalam bahasa Dusun dan bahasa Melayu yang memiliki perbezaan dari segi fonetik, fonemik, morfemik, dan sintaktik. Jika dilihat dari sudut pandang budaya, sudah tentu setiap bahasa mencerminkan nilai-nilai budaya yang berbeza dan unik (Angelianawati, 2018). Oleh itu, kajian perbandingan peribahasa Dusun dan Melayu khususnya dari sudut penggunaan lambang haiwan dalam peribahasa dapat menunjukkan keunikan bahasa dan budaya masyarakat Dusun dan Melayu.

Seterusnya, dalam aspek yang ketiga iaitu relativisme budaya pula menerangkan tentang sebuah fenomena iaitu setiap bahasa tidak lepas daripada keterkaitannya dengan budaya. Nilai moral, keindahan, pengetahuan, rasa dan erti dalam sesebuah bahasa adalah dipengaruhi oleh pegangan dan kepercayaan yang wujud dalam sesebuah budaya masyarakat (Wardhaugh, 2006). Hipotesis Sapir (1921) mempercayai bahawa setiap orang memiliki pandangan yang berbeza terhadap sesuatu hal kerana persepsi terhadap realiti mereka yang dipengaruhi oleh bahasa dan budaya. Peribahasa Dusun dan Melayu memiliki pelbagai lambang dalam peribahasa yang dijadikan sebagai perumpamaan. Hal ini memberikan keunikan terhadap sudut pandang masyarakat melalui perkaitan semantik yang digunakan dalam peribahasa Dusun dan Melayu.


Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan kaedah kajian kualitatif. Penyelidik menggunakan kaedah temu bual dalam mendapatkan data yang diperlukan dalam kajian ini. Penyelidik telah menemu bual lima belas (15) orang yang berbangsa Dusun yang boleh membaca, menulis dan bertutur dalam bahasa Dusun dengan fasih. Umur informan yang ditemu bual adalah dalam lingkungan umur 50 hingga 80 tahun. Penyelidik juga telah melaksanakan kajian ini dengan menggunakan analisis dokumen iaitu dengan merujuk pelbagai kamus bahasa, buku, artikel jurnal dan dokumentasi-dokumentasi berkaitan. Penyelidik telah merujuk buku teks bahasa Kadazandusun tingkatan satu hingga tingkatan lima untuk melihat maksud peribahasa Dusun yang terkandung dalam buku tersebut. Bagi peribahasa Melayu penyelidik telah merujuk Kamus Peribahasa untuk melihat setiap maksud peribahasa Melayu yang dipilih dalam kajian ini. Perlu ditekankan di sini bahawa peribahasa Melayu dipilih berdasarkan takrifannya yang sama atau lebih kurang sama dengan peribahasa Dusun. Semua data temu bual telah dirakam dan disimpan dengan rapi bagi menjaga kesahihan data tersebut.

2.2 Langkah Pengumpulan Data

Terdapat empat tahap yang digunakan oleh penyelidik dalam penyelidikan ini iaitu penentuan, pencerakinan, pemetaan dan penganalisan data. Rajah 1 berikut menerangkan susur galur atau tatacara kajian ini dijalankan.

Rajah 1

Susur galur penyelidikan



2.2.1 Langkah Pertama: Penentuan Data

Sebelum penyelidikan ini dijalankan, penyelidik telah membuat kajian kepustakaan dengan membuat pembacaan yang teliti terhadap kajian-kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji lepas. Penyelidik telah menggunakan analisis dokumen untuk memperoleh data peribahasa Dusun dan Melayu. Bagi peribahasa Dusun penyelidik telah melakukan analisis dokumen terhadap bahan-bahan rujukan seperti *Buku Teks Bahasa Kadazandusun Tingkatan 1* oleh Sinti & Augustine. (2016), *Buku Teks Bahasa Kadazandusun Tingkatan 2* oleh Kiting et al. (2017), *Buku Teks Bahasa Kadazandusun Tingkatan 3* oleh Sinti et al. (2017), *Buku Teks Bahasa Kadazandusun Tingkatan 4* oleh Sinti et al. (2009), *Buku Teks Bahasa Kadazandusun Tingkatan 4* oleh Sinti et al. (2019), *Buku Teks Bahasa Kadazandusun Tingkatan 5* oleh Sinti et al. (2011), dan *Kelompok Tema "Tukadan" Dalam Subjek Bahasa Kadazandusun* oleh Buyoh et al. (2021). Bagi peribahasa Melayu penyelidik telah merujuk bahan-bahan rujukan seperti *Kamus Peribahasa Edisi Keempat* oleh Abd. Rahman (2013), *Kamus Peribahasa Lengkap* oleh Hassan (1993), *Kamus istimewa peribahasa Melayu* oleh Hussain (2004), *Peribahasa Melayu* oleh Salim (2011) dan *Peribahasa Melayu: Satu klasifikasi yang tiada penentu* oleh Zahid (1998).

2.2.2 Langkah Kedua: Pencerakinan Data

Pada peringkat pencerakinan data, penyelidik melihat data kajian yang dikumpul daripada perspektif bahasa. Perspektif bahasa yang dimaksudkan dalam penyelidikan ini ialah penyelidik akan menyenaraikan peribahasa Dusun yang berbentuk nasihat atau pedoman. Setelah itu, penyelidik akan mengenal pasti peribahasa Melayu yang memiliki makna yang sepadan dengan peribahasa Dusun yang disenaraikan dalam bentuk jadual. Setelah peribahasa Dusun dan Melayu disenaraikan mengikut padanan makna yang sesuai, penyelidik akan menyenaraikan lambang dalam peribahasa tersebut.

Jadual 2

Pemaparan khusus senarai peribahasa yang berbentuk nasihat atau pedoman dalam bahasa Dusun dan Melayu dengan padanan makna yang sama

Bil.	Peribahasa Dusun	Peribahasa Melayu
1.	<i>Buhangkut nangku tu mokianit</i>	<i>Berani kerana benar, takut kerana salah</i>
2.	<i>Gandad do punti ngasu aparau daing do id tombung</i>	<i>Bau cekur jerangau ada lagi di ubun-ubun, sudah hendak berumah tangga</i>
3.	<i>Gotuk do rangka munggang do gopud</i>	<i>Berat tulang</i>
4.	<i>Kasala do kabang</i>	<i>Makan bubur panas-panas</i>
5.	<i>Kolipas nogi lansat om korikot o mangkawot</i>	<i>Bandar terbuka dagangan murah, badan sudah tua</i>
6.	<i>Koriou do dukaruk</i>	<i>Kuah tertuang ke nasi, nasi akan dimakan juga</i>
7.	<i>Kutu ngasu</i>	<i>Seperti lipas kudung</i>
8.	<i>Momoruluk busul tandaha</i>	<i>Pagi tidak dibuang, senja tidak dikejar</i>
9.	<i>Momobog bolobou</i>	<i>Cepat kaki ringan tangan</i>
10.	<i>Oogot o tonggom</i>	<i>Ulat dalam batu pun hidup juga</i>
11.	<i>Modu-sodu panahon, momok-somok pamalabangan</i>	<i>Berjalan jauh banyak dilihat</i>
12.	<i>Oyopos-yopos nopo dulud nga oyopos-yopos no sinapa</i>	<i>Hempas tulang berisi perut</i>
13.	<i>Poingkibit o kara om poinsuun o gobuk</i>	<i>Mengata dulang bawak serpih, mengata orang awak yang lebih</i>

Seterusnya, setelah melakukan analisis semantik inkuisitif terhadap perlambangan dalam peribahasa Dusun mengikut perspektif masyarakat Dusun, penyelidik akan membandingkan makna penggunaan lambang tersebut menurut perspektif pemikiran orang Melayu.

2.2.3 Langkah Ketiga: Pemetaan Data

Proses pemetaan data merujuk kepada keterkaitan aspek bahasa dengan penggunaan perkataan dalam peribahasa (Daud & Subet, 2022). Dalam penyelidikan ini, penyelidik melihat kewujudan penggunaan lambang haiwan dalam peribahasa Dusun sebagai salah satu bentuk kearifan lokal masyarakat Dusun yang diumpamakan kepada realiti kehidupan yang sebenar. Oleh itu, penggunaan kaedah kualitatif seperti temu bual adalah satu kaedah yang sangat sesuai untuk mendapatkan data yang tepat, autentik dan dapat meningkatkan kesahan makna peribahasa. Penyelidik juga memanfaatkan Pangkalan Korpus Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan *Malay Concordance Project* (MCP) untuk meningkatkan lagi keabsahan makna peribahasa khususnya peribahasa Melayu.


Penggunaan pangkalan korpus DBP dan MCP juga membantu penyelidik untuk menganalisis penggunaan lambang dalam peribahasa menggunakan rangka rujuk silang yang diperkenalkan oleh Kempson (1986). Kaedah ini turut diaplikasikan oleh Daud dan Subet (2022), dan Wan Mansor dan Jalaluddin (2015) dalam kajian peribahasa yang bertujuan untuk menganalisis makna peribahasa berdasarkan contoh penggunaan dalam ayat.

2.2.4 Langkah Keempat: Penganalisan Data

Proses penganalisan data merupakan kesinambungan daripada susur galur penyelidikan langkah pertama sehingga ketiga. Pada langkah yang keempat ini penyelidik akan mengaplikasikan kerangka semantik inkuisitif yang diperkenalkan oleh Nor Hashimah Jalaluddin pada tahun 2014. Rajah 2 berikut menerangkan secara ringkas susur galur kerangka semantik inkuisitif yang digunakan dalam penyelidikan ini.

Rajah 2

Rumusan pendekatan semantik inkuisitif oleh Jalaluddin (2014)



Semantik inkuisitif atau inquisitive semantics merupakan salah satu kerangka teori yang digunakan dalam linguistik dan falsafah bahasa untuk mengkaji makna sesebuah kalimat sehingga ke akar umbi dalam menjawab persoalan-persoalan atau keingintahuan yang timbul. Justeru, mengaplikasikan pendekatan semantik inkuisitif dalam kajian peribahasa khususnya dalam merungkai makna tersurat dan tersirat peribahasa serta menerokai makna penggunaan lambang yang terkandung dalam peribahasa dapat menambahkan lagi lapisan analisis peribahasa yang merentasi sempadan ilmu bahasa. Menurut Jalaluddin (2014), penggunaan pendekatan semantik inkuisitif dalam kajian peribahasa berupaya menyumbangkan ilmu pengetahuan yang melampaui bidang linguistik iaitu merentasi sempadan ilmu bahasa iaitu geografi, budaya, agama, sains, sosiologi dan sebagainya. Dalam penyelidikan ini, penyelidik akan menggunakan pendekatan semantik inkuisitif untuk menerokai jawapan sehingga mencapai tahap yang konkrit.

3.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian ini dibahagikan kepada senarai peribahasa Dusun dan Melayu yang berbentuk nasihat atau pedoman, perkaitan semantik peribahasa Dusun dan Melayu, dan makna tersurat dan makna tersirat peribahasa Dusun dan Melayu yang berbentuk nasihat atau pedoman.

3.1 Senarai Peribahasa Dusun dan Melayu Yang Berbentuk Nasihat atau Pedoman

Peribahasa atau dalam bahasa Dusun dikenali sebagai tukadan terbahagi kepada empat kelompok tema atau bentuk iaitu nasihat atau pedoman, pujian, sindiran dan perbandingan (Buyoh et al., 2021). Peribahasa Melayu dipilih hasil daripada analisis dokumen yang dilakukan oleh penyelidik yang mana peribahasa tersebut memiliki maksud yang sama atau lebih kurang sama dengan peribahasa Dusun. Berdasarkan data yang diperolehi melalui analisis dokumen terhadap buku teks Kadazandusun dan kamus-kamus peribahasa, penyelidik telah menyenaraikan peribahasa Dusun dan Melayu dengan padanan makna yang sama seperti dalam Jadual 3 di bawah.

Jadual 3

Peribahasa Dusun dan Melayu dengan padanan makna yang sama

Bil.	Peribahasa Dusun		Peribahasa Melayu	
	Peribahasa	Maksud	Peribahasa	Maksud
1	<i>Buhangkut nangku tu mokianit</i>	Tidak membiarkan diri untuk dianiaya	Berani kerana benar, takut kerana salah	Bertindak kerana berada di pihak yang benar
2	<i>Gandad do punti ngasu aparau daing do id tombung</i>	Masih remaja di bawah umur tetapi sudah pandai mencari pasangan/kekasih	Bau cekur jerangau ada lagi di ubun-ubun, sudah hendak berumah tangga	Belum cukup umur sudah hendak beristeri
3	<i>Gotuk do rangka mungkang do gopud</i>	Perihal seseorang yang pemalas dan tidak pandai mengemas	Berat tulang	Pemalas
4	<i>Kasala do kabang</i>	Makanan yang tidak dimakan atas sebab makanan terjatuh, dimasuki benda asing, tidak masak dan lain-lain yang membuatkan makanan tersebut sudah tidak layak untuk dimakan dan terpaksa dibuang.	Makan bubur panas-panas	Tindakan yang dilakukan secara terburu-buru akan mengakibatkan kekecewaan
5	<i>Kolipas nogi lansat om korikot o mangkawot</i>	Kedatangan/ketibaan yang tidak sesuai atau tidak menepati masa yang dijanjikan.	Bandar terbuka dagangan murah, badan sudah tua	Sudah terlambat
6	<i>Koriou do dukaruk</i>	Perkahwinan yang memiliki pertalian darah yang masih dekat	Kuah tertuang ke nasi, nasi akan dimakan juga	Perkahwinan antara kaum keluarga sendiri
7	<i>Kutu ngasu</i>	i.Pasangan yang bercinta pada usia yang sangat muda ii.Pantas (seperti lipas kudung)	Seperti lipas kudung	Bergerak dengan cepat
8	<i>Momoruluk busul tandaha</i>	Bangun awal pagi sebelum ayam berkokok	Pagi tidak dibuang, senja tidak dikejar	Menggunakan waktu dengan sebaik-baiknya
9	<i>Momobog bolobou</i>	Bertolak awal pagi	Cepat kaki ringan tangan	Rajin dan giat
10	<i>Oogot o tonggom</i>	Orang yang rajin dan pandai berjimat	Ulat dalam batu pun hidup juga	Orang yang rajin beruaha tidak akan mati kelaparan
11	<i>Modu-sodu panahon, momok-somok pamalabangan</i>	Semakin jauh destinasi, semakin banyak masalah atau risiko yang akan dihadapi	Berjalan jauh banyak dilihat	Banyak pengalaman kalau bepergian kemana-mana
12	<i>Oyopos-yopos nopo dulud nga oyopos-yopos no sinapa</i>	Kerajinan membuah hasil atau keberuntungan	Hempas tulang berisi perut	Rajin bekerja (berusaha) mudah mendapat rezeki
13	<i>Poingkibit o kara om poinsuun o gobuk</i>	Bercakap tentang keburukan orang lain tetapi sendiri tidak sedar dengan keburukan diri-sendiri	Mengata dulang bawak serpih, mengata orang awak yang lebih	Mencela orang tetapi diri-sendiri yang lebih buruk lagi

3.1 Perkaitan Semantik Inkuisitif Perlambangan Haiwan dalam Peribahasa Dusun dan Melayu

Dalam Jadual 4 di bawah menerangkan senarai peribahasa Dusun yang berbentuk nasihat atau pedoman. Daripada senarai peribahasa tersebut, penyelidik telah menceraikan serta memberikan terjemahan dalam bahasa Melayu terhadap senarai lambang yang terkandung dalam peribahasa Dusun. Penyelidik juga menyatakan nilai-nilai atau sikap yang cuba disampaikan secara tersirat dalam peribahasa tersebut.

Jadual 4

Pemaparan khusus senarai peribahasa Dusun yang berbentuk nasihat atau pedoman

Bil.	Peribahasa	Lambang dalam Peribahasa	Nilai / Sikap
1	<i>Buhangkut nangku tu mokianit</i>	<i>buhangkut</i> (sejenis kodok bersaiz besar dan memiliki kulit beracun)	Keberanian
2	<i>Gandad do punti ngasu aparu daing do id tombung</i>	<i>punti ngasu</i> (pisang-anjing), daing (sirih)	Perlakuan yang tidak sepatutnya
3	<i>Gotuk do rangka munggang do gopud</i>		Kerajinan
4	<i>Kasala do kabang</i>	<i>kabang</i> (mulut)	Membazir
5	<i>Kolipas nogi lansat om korikot o mangkawot</i>	<i>lansat</i> (langsar), <i>mangkawot</i> (sejenis kelawar)	Tidak menepati masa
6	<i>Koriou do dukaruk</i>	<i>dukaruk</i> (sejenis sayuran yang termasuk dalam keluarga keladi)	Carilah pasangan yang tiada talian darah keluarga
7	<i>Kutu ngasu</i>	<i>kutu ngasu</i> (kutu anjing)	Mengabaikan maruah diri
8	<i>Momoruluk busul tandaha</i>	<i>tandaha</i> (ayam jantan)	Menghargai masa
9	<i>Momobog bolobou</i>	<i>bolobou</i> (embun)	Menghargai masa
10	<i>Oogot o tonggom</i>	<i>tonggom</i> (buku lima)	Kerajinan
11	<i>Modu-sodu panahon, momok-somok pamalabangan</i>		Harus tabah dan kuat menghadapi ujian/dugaan yang dihadapi
12	<i>Oyopos-yopos nopo dulud nga oyopos-yopos no sinapa</i>	<i>dulud</i> (tulang kering), <i>sinapa</i> (makanan yang dikunyahkan khusus untuk kanak-kanak)	Kerajinan
13	<i>Poingkibit o kara om poinsuun o gobuk</i>	<i>kara</i> (monyet), <i>gobuk</i> (orang utan)	Tidak sedar diri

Berdasarkan Jadual 4 di atas, dapat dilihat bahawa tidak semua peribahasa Dusun yang berbentuk nasihat atau pedoman menggunakan lambang dalam peribahasa. Misalnya, peribahasa “*gotuk do rangka munggang do gopud*” dan “*modu-sodu panahon, momok-somok pamalabangan*”. Peribahasa “*gotuk do rangka munggang do gopud*” jika diterjemahkan secara terus (*direct translation*) ke dalam bahasa Melayu ialah “*lemah/tidak berdaya untuk bangun, tidur pula (dia) rajin*” (Sumber temu bual). Bagi peribahasa Dusun iaitu “*modu-sodu panahon, momok-somok pamalabangan*” jika diterjemahkan secara terus (*direct translation*) ke dalam bahasa Melayu ialah “*semakin jauh perjalanan, semakin dekat (dengan) kuburan*”. Penyelidik tidak akan mengetengahkan peribahasa tersebut ke analisis seterusnya kerana tidak mengindikasikan sebarang penggunaan lambang dalam peribahasa.

Berdasarkan data temu bual, penyelidik juga telah memperolehi banyak maklumat berkenaan peribahasa Dusun yang menarik untuk dianalisis dan dibandingkan dengan peribahasa Melayu. Walau bagaimanapun, sebagai limitasi dalam penyelidikan ini penyelidik hanya akan membincangkan peribahasa Dusun melalui penggunaan lambang haiwan dalam peribahasa. Lambang haiwan adalah yang paling banyak digunakan dalam peribahasa Dusun. Ini menggambarkan dekatnya hubungan masyarakat Dusun tradisional dengan haiwan atau binatang. Menurut Pugh-Kitingan (2016), masyarakat Dusun tradisional mengamalkan ekonomi sara hidup dengan berburu haiwan atau binatang liar serta memelihara haiwan untuk kelangsungan hidup. Penggunaan lambang+ haiwan dalam peribahasa Dusun sangat berkait rapat dengan latar belakang kehidupan masyarakat Dusun.

Dalam penyelidikan ini, penyelidik akan menganalisis penggunaan lambang *buhangkut* (kodok), *mangkawot* (kelawar), dan *tandaha* (ayam jantan) yang terkandung dalam peribahasa Dusun dan Melayu menggunakan pendekatan semantik inkuisitif. Justeru itu, penyelidik telah merujuk pelbagai bahan untuk mengenal pasti dan membandingkan penggunaan lambang tersebut dalam bentuk petikan dalam bahasa Dusun dan bahasa Melayu menggunakan kaedah perbandingan makna. Menurut Mohd dan Hassan (2008), kaedah perbandingan makna ialah membandingkan sesuatu berdasarkan ciri-ciri rupa bentuk yang sama dan membandingkan sesuatu dengan benda lain berdasarkan sifatnya yang serupa walaupun bentuknya berlainan. Dengan adanya contoh petikan yang

menggunakan perlambangan *buhangkut* (kodok), *mangkawot* (kelawar), dan *tandaha* (ayam jantan) penyelidik dapat membuat perbandingan makna penggunaan lambang tersebut dari perspektif masyarakat Dusun dan Melayu.

3.2.1 Penggunaan *Buhangkut* (Kodok) dalam Peribahasa Dusun dan Melayu

Dalam peribahasa ini, *buhangkut* atau kodok yang dimaksudkan ialah sejenis kodok amfibia tidak berekor yang memiliki badan gempal dan kaki pendek, biasanya memiliki kulit berkutil yang mengeluarkan racun. Jika dilihat dari sudut sains, kodok (*buhangkut*) merupakan sejenis hidupan amfibia yang diklasifikasikan sebagai haiwan yang beracun khususnya pada bahagian kulitnya. Namun demikian, kenapa *buhangkut* (kodok) dikaitkan dengan perilaku *mokianit* (meminta dikuliti)? Hal ini bersangkut-paut dengan fungsinya sebagai alat untuk melindungi diri daripada predator di alam liar. Kodok (*buhangkut*) disifatkan sebagai haiwan amfibia yang tidak agresif dan tidak berganjak walaupun disentuh. Ini kerana keadaan kulit kodok (*buhangkut*) yang beracun tidak akan mengancam keselamatannya jika disentuh atau ditangkap oleh manusia atau predator di alam liar.

Jadual 5

Penggunaan *buhangkut* (kodok) dalam peribahasa Dusun dan Melayu

Peribahasa Dusun		Peribahasa Melayu	
Peribahasa	Maksud	Peribahasa	Maksud
<i>Buhangkut nangku tu mokianit</i>	Tidak membiarkan diri untuk dianiaya	<i>Kodok dapat bunga sekuntum</i>	Beroleh sesuatu yang sia-sia kerana tidak dapat mempergunakannya
		<i>Seperti kodok ditimpa kemarau</i>	Berkeluh kesah tak tentu sebab
		<i>Tertungging bagai kodok dalam lubang</i>	Orang miskin yang jatuh dalam kesusahan
		<i>Tak ada kubangan yang tak ada kodok</i>	Tidak ada negeri yang tidak ada perempuan jahat
Sumber: Buyoh et al. (2021)		Sumber: Hussain (2004)	

Peribahasa Dusun '*buhangkut nangku tu mokianit*' bermaksud ibarat kodok yang membiarkan dirinya dikuliti. Sebaliknya, makna tersirat peribahasa ini ialah masyarakat Dusun ingin menjelaskan bahawa seseorang itu tidak seharusnya membiarkan dirinya dianiaya sewenang-wenangnya. Walau bagaimanapun, apabila dikaji dari segi perkaitan semantik inkuisitif, terdapat beberapa sebab masyarakat Dusun tradisional menggunakan perumpamaan kodok (*buhangkut*) dalam peribahasa tersebut. Dalam peribahasa ini, *buhangkut* atau kodok yang dimaksudkan ialah sejenis kodok amfibia tidak berekor yang memiliki badan gempal dan kaki pendek, biasanya memiliki kulit berkutil yang mengeluarkan racun. Makna di sebalik peribahasa ini, masyarakat Dusun ingin menyeru masyarakat supaya tidak membiarkan diri dianiaya seperti perilaku kodok (*buhangkut*) yang berdiam diri ketika dikuliti. Masyarakat Dusun memiliki falsafah hidup yang tidak mencontohi sifat kodok (*buhangkut*) melainkan harus berani menentang penganiayaan (Sintian, 2019). Selain itu, penyelidik telah mengenal pasti beberapa petikan dalam buku teks bahasa Dusun yang menggunakan lambang kodok/katak iaitu;

Jadual 6

Petikan ayat dalam buku teks bahasa Dusun yang menggunakan lambang *kodok/katak*

Bil.	Petikan
1.	".. <i>Koturobpus tirak ku kokito mato di Luna poinglodtut miagal do mato bonong.</i> " (Sinti et al., 2019) Maksud: "Pecah gelak ketawa saya apabila melihat mata Luna yang terbeliak seperti mata katak/kodok."
2.	" <i>Nokogiak i Syra nokokokog do buhangkut hilo id bawang tu ourod tomod.</i> " (Kiting et al., 2020) Maksud: "Syra berteriak terpegang kodok di sungai kerana badan/kulit kodok yang kasar (berkutil dan menggelikan)."

Berdasarkan contoh petikan di atas, penyelidik menyimpulkan bahawa kodok digunakan oleh masyarakat Dusun untuk mengumpamakan sesuatu yang hodoh, lucu dan geli. Ini bermakna ciri-ciri kodok (*buhangkut*) yang memiliki kulit beracun, gemuk dan tidak berekor ibarat kelemahan individu.

Berdasarkan contoh peribahasa dalam Jadual 5, dapat dilihat bahawa masyarakat Melayu juga menggunakan lambang 'kodok' sebagai perumpamaan dalam peribahasa. Ini menunjukkan bahawa masyarakat Melayu tradisional juga memiliki perspektif sendiri tentang 'kodok' sehingga mereka menggunakannya sebagai perumpamaan dalam peribahasa. Berikut ini merupakan beberapa contoh ayat yang mengandungi perkataan kodok dalam petikan.

Jadual 7

Petikan ayat dalam sastera Melayu yang menggunakan lambang *kodok/katak*

Bil.	Petikan
1.	"Orang-orang kampung yang masih berhidup sebagai kodok di bawah tempurung pun tahu." (Abdulhamid, 2018)
2.	"...Slanga "mak we" juga adalah lebih "indah" daripada slang "kodok" yang digunakan untuk merujuk orang perempuan sebelumnya." (Teo, 2019)

Berdasarkan petikan di atas, kita dapat melihat bahawa dalam perspektif Melayu penggunaan 'kodok' sebagai perumpamaan merujuk kepada konotasi negatif yang mana individu diperihalkan sebagai seorang yang tidak tahu berbuat apa-apa atau bodoh, berfikir sempit dan malas. Selain itu, lambang 'kodok' juga dimetaforakan sebagai perilaku yang sangat teruk. Dapat disimpulkan bahawa penggunaan '*buhankut* atau kodok' sebagai perumpamaan dalam peribahasa Dusun dan Melayu merujuk kepada situasi atau keadaan individu yang sulit atau sengsara dan tidak menguntungkan. Selain itu, perumpamaan '*buhankut* atau kodok' juga menggambarkan individu yang hodoh dan memiliki perilaku yang sangat teruk.

3.2.2 Penggunaan Mangkawot (Kelawar/Keluang) dalam Peribahasa Dusun dan Melayu

Peribahasa Dusun *kolipas nogi lansat om korikot o mangkawot* jika diterjemahkan secara terus (*direct translation*) ke dalam bahasa Melayu ialah musim langsung sudah berlalu barulah keluang/kelawar datang ingin memakan buah langsung. Menurut masyarakat Dusun, makna tersurat peribahasa ini ialah musim buah langsung baru sahaja berlalu dan di situ barulah kelawar datang mencari buah langsung. Sebaliknya, makna tersirat peribahasa *kolipas nogi lansat om korikot o mangkawot* ialah kedatangan atau ketibaan yang tidak sesuai atau tidak menepati masa yang dijanjikan. Jika dikaji dari segi perkaitan semantik, ada sebab-sebab tertentu yang menyebabkan masyarakat Dusun tradisional menggunakan perumpamaan haiwan iaitu kelawar (*mangkawot*) dalam peribahasa tersebut. Dalam peribahasa ini, *mangkawot* atau kelawar yang dimaksudkan ialah sejenis kelawar bersaiz besar yang dinamai sebagai 'keluang' oleh beberapa tempat di Malaysia. Dalam istilah sains, *mangkawot* dikenali sebagai '*pteropus vampyrus*' iaitu seekor haiwan mamalia dengan ukuran hujung sayap ke hujung sayap kira-kira 0.5 meter hingga 1.0 meter (Mohd-Azlan, 2022).

Jadual 8

Penggunaan *mangkawot* (kelawar/keluang) dalam peribahasa Dusun dan Melayu

Peribahasa Dusun		Peribahasa Melayu	
Peribahasa	Maksud	Peribahasa	Maksud
<i>Kolipas nogi lansat om korikot o mangkawot</i>	Kedatangan/ketibaan yang tidak sesuai atau tidak menepati masa yang dijanjikan	Bagai keluang bebar petang	Berkerumun beramai-ramai atau suka hidup beramai-ramai
Sumber: Buyoh et al. (2021)		Sumber: Abd. Rahman (2013); Hussain (2004)	

Masyarakat Dusun cukup mengenali sifat *mangkawot* sebagai haiwan mamalia yang peka dalam mencari buah-buahan sebagai sumber makanan. Maka, kehadirannya pada pohon buah-buahan sentiasa dilihat oleh masyarakat Dusun terutama sekali pada musim buah. Makna di sebalik peribahasa ini, masyarakat Dusun tradisional mengumpamakan *lansat* yang merujuk kepada musim buah langsung sebagai 'masa' dan *mangkawot* merujuk kepada 'individu/masyarakat'. Berikut merupakan contoh petikan cerita-cerita rakyat dalam bahasa Dusun yang menggunakan lambang *mangkawot*.

Jadual 9

Petikan ayat dalam buku teks bahasa Dusun yang menggunakan lambang *mangkawot*

Bil.	Petikan
1.	"...Ingkaa nogi soira haro batos di boyoon do monuhu tokou nga kolipas nogi lansat om korikot o mangkawot ." (Sinti et al., 2019) Maksud: "...Begitu juga apabila ada arahan tugas/kerja yang dijanjikan oleh ketua/atasan bak <i>kolipas nogi lansat om korikot o mangkawot</i> ."

Analisis dokumen oleh penyelidik terhadap semua buku teks yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran tingkatan satu sehingga tingkatan lima tidak mendapati sebarang penggunaan perkataan "*mangkawot*" dalam mana-mana petikan melainkan hanya digunakan dalam bentuk peribahasa. Menurut dapatan temu bual, masyarakat Dusun menggunakan perkataan *mangkawot* adalah untuk mengumpamakan sesuatu yang berkaitan dengan latar masa kedatangan seseorang seperti lewat atau awal (seperti yang dijangkakan). Masyarakat Dusun memiliki perspektif bahawa *mangkawot* atau keluang/kelawar pemakan buah adalah hidupan yang

sangat menepati masa. Justeru itu, masyarakat Dusun menggunakan perlambangan ini sebagai metafora untuk menggambarkan sikap individu dalam menunaikan janji khususnya yang berkaitan dengan pengurusan masa.

Untuk mengetahui dengan lebih dalam lambang *mangkawot* atau *keluang* digunakan sebagai perumpamaan dalam perspektif Melayu, penyelidik telah merujuk petikan-petikan berkaitan dalam sastera Melayu klasik dan sastera Melayu moden yang menggunakan 'keluang' sebagai perumpamaan. Berikut merupakan beberapa petikan daripada buku sastera Melayu klasik dan sastera Melayu moden.

Jadual 10

Petikan ayat dalam sastera Melayu yang menggunakan lambang *keluang* (*mangkawot*)

Bil.	Petikan
1	"Bidara dah beransur masak tu, tak boleh dibiarkan <i>keluang</i> dan semah berkenduri," jelas Rahmat." (Mohd Hassan, 1976)
2	"Tali besar banyak," kata Nenek Sapiah. Dia ingat tali ruik yang digunakan setiap tahun kalau musim duku untuk menghalau tupai dan <i>keluang</i> ." (Wati, 1969)
3	"Rambutnya yang panjang menampai punggung itu kadang-kadang disanggul lintangkan sampai memanjang macam siku <i>keluang</i> ." (Ahmad, 1985)
4	"Toleh ke jihat mana sahaja, bukit-bukit kukuh bersiku <i>keluang</i> yang ditenggeri rumah-rumah batu berbentuk kotak empat persegi tepat atau empat persegi bujur berdiri di atasnya atau yang kosong bergemerutu tajam menanti hinggapan debu-debu, tetap kelihatan." (Cerpen-Cerpen Nusantara Mutakhir, 1991)

Berdasarkan petikan dalam buku-buku sastera Melayu di atas, dapat disimpulkan bahawa masyarakat Melayu turut mengenal *mangkawot* atau *keluang* sebagai hidupan pemakan buah yang selalunya akan datang mencari buah-buahan sebagai sumber makanan khususnya ketika musim buah. Di sudut yang lain, *keluang* juga dianggap sebagai hidupan yang membawa kerugian kepada masyarakat. Malahan terdapat juga petikan sastera Melayu yang mengindikasikan *keluang* sebagai hidupan yang menimbulkan kemarahan masyarakat. Contohnya, dalam buku sastera yang bertajuk Manisnya Rambutan Kampung iaitu "*Salim tidak tahu kenapa pagi itu dia agak payah untuk mengeluarkan suara apabila berhadapan dengan Mak Engku, takut diseranah kerana dia tahu Mak Engku baru lepas membara, menembak keluang besar yang datang untuk melepas kencing dan berak di atas pokok rambutan gadingnya*" (Affandi, 2018). Berdasarkan analisis dokumen terhadap buku-buku sastera Melayu, penyelidik juga mendapati bahawa masyarakat Melayu cenderung menjadikan *keluang* untuk mengumpamakan seseorang atau sesuatu benda dari bentuk fizikal *keluang*. Misalnya, menyamakan siku orang seperti siku *keluang* dan menggambarkan bentuk bukit seperti siku *keluang*. Berbeza dengan masyarakat Dusun menilai *keluang* atau *mangkawot* melalui perspektif masa iaitu berkenaan sikap seseorang terhadap pengurusan masa dan mereka tidak mengumpamakan bentuk fizikal hidupan tersebut terhadap individu atau masyarakat lain.

3.2.3 Penggunaan tandaha (ayam jantan) dalam peribahasa Dusun dan Melayu

Seterusnya, penyelidik akan mengupas penggunaan lambang *tandaha* atau ayam jantan dalam peribahasa Dusun dan Melayu. Jadual 11 berikut merupakan peribahasa Dusun dan Melayu yang mengetengahkan lambang *tandaha* atau ayam jantan. Tiada leksikal 'ayam jantan' digunakan secara spesifik dalam peribahasa Melayu. Oleh itu, penyelidik menyenaraikan peribahasa yang merujuk kepada ciri-ciri atau sifat khusus ayam jantan iaitu ayam yang 'berkokok'.

Jadual 11

Penggunaan *tandaha* (ayam jantan) dalam peribahasa Dusun dan Melayu

Peribahasa Dusun		Peribahasa Melayu	
Peribahasa	Maksud	Peribahasa	Maksud
<i>Momoruluk busul tandaha</i>	Bangun awal pagi	Berkokok di luar gelanggang, bila di tengah menyusup di bawah kelengkang (gelanggang)	Bercakap besar di belakang tetapi bila berhadapan mengaku kalah
		Belum bertaji hendak berkokok	Belum berilmu sudah hendak menyombong
		Kokok berderai-derai, ekor bergelumang tali	Seseorang yang cakupnya tinggi tetapi keluarganya dalam kemelaratan
		seletus bedil berbunyi, mencebur ikan dalam laut, berkokok ayam dalam hutan	Ucapan seseorang pemimpin yang menggemparkan orang dimana-mana
Sumber: Buyoh et al. (2021)		Sumber: Hussain (2004)	

Peribahasa Dusun *momoruluk busul tandaha* jika diterjemahkan secara terus (*direct translation*) ke dalam bahasa Melayu ialah mencucuk dubur ayam jantan. Namun, makna tersirat peribahasa ini ialah bangun awal pagi (Sinti et al., 2019; Buyoh et al., 2021). Dalam satu temu bual tidak terancang dengan warga tua di Kampung Tinutuan, Ranau, masyarakat Dusun di situ pada suatu ketika dahulu biasanya akan mencucuk dubur ayam jantan di reban awal pagi agar ayam tersebut berkokok lebih awal dari kebiasaannya. Tujuannya adalah untuk mengejutkan kawan atau saudara-mara yang tinggal berlainan rumah. Oleh sebab itu, masyarakat Dusun mengumpamakan orang atau individu yang bangun awal pagi dengan peribahasa *momoruluk busul tandaha* khususnya mereka yang bangun subuh atau sebelum ayam berkokok (Sumber Temu Bual). Peribahasa ini juga digunakan oleh masyarakat Dusun untuk merujuk kepada sikap masyarakat yang rajin. Masyarakat Dusun tradisional memiliki kepercayaan bahawa orang atau individu yang bangun awal pagi untuk bekerja senang mendapat keberuntungan atau keberhasilan (Sumber Temu Bual). Berikut ini merupakan contoh petikan penggunaan peribahasa *momoruluk busul tandaha* dalam bahasa Dusun.

Jadual 12

Petikan ayat dalam buku teks bahasa Dusun yang menggunakan lambang *tandaha*

Bil.	Petikan
1	<p>“...<i>Tikid tadau momoruluk busul tandaha yolo do momiro-miro om mogonsok do kokoriu owiton mindahu. Au po kopio okito nulokon om miangat no yolo mamanan. Momobog bolobou yolo id tindalanon nga au diolo purimonon gama mokimamaha yolo id pongumaan. Mogisuayan totonomon diolo. Mananom yolo parai om nogi mogikaakawo kinotuan.</i>” (Sinti et al., 2019)</p> <p>Maksud: “...Setiap hari mereka momoruluk busul tandaha apabila bersiap-siap dan memasak bekal untuk ke ladang. Mereka sudah bergerak walaupun jalan masih gelap. Mereka sanggup meredah embun pagi di tengah jalan kerana lebih mengharap rezeki di ladang. Bermacam-macam tanaman mereka. Mereka menanam padi dan pelbagai jenis sayuran.”</p>

Petikan di atas menggambarkan kehidupan masyarakat Dusun tradisional yang bergantung kepada ekonomi sara diri dengan aktiviti bercucuk tanam. Haiwan ternakan seperti ayam memberikan idea kepada masyarakat Dusun tradisional sebagai kiasan pengungkap waktu yang telah subuh (Sintian, 2019). Berdasarkan petikan di atas, dapat disimpulkan bahawa masyarakat Dusun memiliki perspektif bahawa ‘ayam jantan’ adalah simbol atau perlambangan yang merujuk kepada nilai kerajinan dalam mencari rezeki. Menurut temu bual, masyarakat Dusun tradisional sanggup *momoruluk busul tandaha* (mencucuk dubur ayam jantan) sehingga ayam tersebut berkokok walaupun belum sampai masa ayam berkokok demi mencari rezeki atau mengusahakan tanaman di ladang. Seiring berkembangnya zaman, masyarakat Dusun sudah tidak lagi mengamalkan perbuatan ‘mencucuk dubur ayam jantan’ sehingga berkokok tetapi mengaplikasikannya sebagai amalan bangun awal pagi sebelum ayam berkokok demi mengusahakan sesuatu seperti bercucuk tanam, melakukan kerja-kerja rumah, belajar dan lain-lain.

Penggunaan lambang *tandaha* atau ayam jantan tidak digunakan secara spesifik dalam peribahasa Melayu. Namun, beberapa peribahasa Melayu mengandungi penggunaan istilah ‘ayam jantan’ secara tidak langsung iaitu dengan menyatakan sifat ayam yang berkokok. Berikut merupakan contoh petikan yang menggunakan peribahasa seperti dalam Jadual 11.

Jadual 16

Petikan ayat dalam sastera Melayu yang menggunakan lambang ayam jantan (*tandaha*)

Bil.	Petikan
1	<p>“...<i>Begitu juga dalam sesuatu majlis, seseorang yang pandai berkata-kata akan dapat membidas atau menepis hujah pihak lawan. Barulah tidak dikatakan orang seperti ayam terkecundang, iaitu ayam yang ketakutan kerana kalah dalam perlawanan. Masyarakat kita juga diingatkan supaya tidak berkokok di luar gelanggang apabila tiba ke tengah menyusup ke bawah kelangkang. Perbuatan sesetengah masyarakat yang bersikap seperti ini hanya berani bercakap di belakang tetapi apabila bertemu takut untuk mengatakan perkara yang sebenar..</i>” (Wan Ismail et al., 2016)</p>
2	<p>“<i>Ketika jam belum lagi mengambil tempat dalam rutin harian, ayam jantan akan berkokok sebagai tanda telah masuk waktu pagi. Ayam jantan akan berkokok apabila masuk waktu dinihari atau apabila masuk satu pertiga malam. Apabila menghampiri waktu subuh, ayam akan makin galak berkokok mengingatkan manusia supaya bangkit menunaikan suruhan Allah. Ini merupakan jam alam kerana pada zaman dahulu belum ada jam untuk kita mengetahui tentang waktu.</i>” (Wan Ismail et al., 2016)</p>

Ayam jantan dalam budaya Melayu sering dikaitkan dengan kegagahan dan kepemimpinan. Contohnya, peribahasa *seletus bedil berbunyi, mencebur ikan dalam laut, berkokok ayam dalam hutan* yang membawa maksud tersirat iaitu ucapan seseorang pemimpin yang menggemparkan orang dimana-mana (Hussain, 2004). Walau bagaimanapun, ayam jantan juga dikaitkan dengan sikap seseorang yang berucap atau bercakap melebihi-lebih. Contohnya, senarai peribahasa Melayu dengan lambang ‘ayam jantan’ dalam Jadual 11 hampir semuanya melambangkan sifat negatif seseorang iaitu sombong, ego dan tinggi diri.

Semua masyarakat di dunia termasuk masyarakat Dusun dan Melayu percaya bahawa ayam atau nama saintifiknya iaitu *gallus domesticus* merupakan jam semula jadi yang akan berkokok apabila tiba waktu subuh. Menurut Wan Ismail et al. (2016), ayam merupakan jam alam kerana pada zaman dahulu belum ada jam untuk kita mengetahui tentang waktu. Peribahasa Dusun *momoruluk*

busul tandaha memiliki padanan penggunaan lambang yang sama dengan peribahasa Melayu iaitu *kais pagi makan pagi, kais petang makan petang*. Kedua-dua peribahasa ini merujuk kepada penggunaan lambang 'ayam' secara umum dalam peribahasa. Namun begitu, peribahasa tersebut membawa makna tersirat yang berbeza. Misalnya, peribahasa *momoruluk busul tandaha* ingin menyeru masyarakat untuk bersikap rajin, berusaha, berdisiplin, konsisten dan menghargai masa dalam mengusahakan sesuatu pekerjaan yang baik untuk menuai hasil yang berkelimpahan (Sumber temu bual). Selain itu, peribahasa *kais pagi makan pagi, kais petang makan petang* ialah berkenaan tentang hidup manusia yang berada dalam kemiskinan, ketergantungan pada pekerjaan harian, dan ketiadaan jaminan masa depan (Hussain, 2004). Walaupun peribahasa Dusun dan Melayu tersebut berbeza dari sudut takrifan makna tersirat tetapi kedua-duanya mengajak kita untuk lebih bersyukur dan berusaha meningkatkan kehidupan.

4.0 KESIMPULAN

Peribahasa Dusun dan Melayu tidak hanya menggambarkan tentang keindahan dan kesantunan bahasa sebagai budaya yang diwarisi secara turun-temurun. Peribahasa juga berfungsi sebagai cara masyarakat untuk menyampaikan nasihat dan teguran secara halus bagi mengelakkan pihak lain tersinggung atau sakit hati. Tidak dinafikan juga bahawa terdapat banyak perbezaan dalam pengolahan peribahasa Dusun dan Melayu. Perbezaan-perbezaan dalam pengolahan peribahasa ini adalah disebabkan oleh faktor perbezaan budaya antara masyarakat Dusun dan Melayu. Walaupun begitu, peribahasa Dusun dan Melayu secara amnya merupakan suatu bentuk ungkapan perumpamaan yang dicipta oleh masyarakat bagi mewujudkan suasana yang harmoni serta budaya saling hormat-menghormati sesama manusia.

Kajian ini membuktikan bahawa setiap satu peribahasa itu memiliki makna yang tersurat dan makna yang tersirat. Kajian ini juga telah mendapati bahawa setiap satu lambang haiwan yang diketengahkan dalam peribahasa Dusun memiliki makna dalam peribahasa tersebut. Berdasarkan sumber temu bual, banyaknya peribahasa Dusun sehingga mungkin boleh mencapai seribu atau lebih tetapi kerana bentuknya yang terlalu taboo menyebabkan peribahasa tersebut tidak sesuai untuk dimasukkan dalam buku teks sekolah. Ini tidak bermakna masyarakat Dusun mengamalkan perbuatan-perbuatan yang tidak senonoh dan melanggar adat-istiadat. Hasil kajian ini juga memperlihatkan bahawa setiap penggunaan lambang dalam peribahasa Dusun dan Melayu semuanya memberikan konotasi yang sama. Ini menunjukkan bahawa masyarakat Melayu tradisional dan masyarakat Dusun tradisional memiliki hubungan bahasa, budaya dan perspektif yang begitu dekat.

Kajian perbandingan peribahasa Dusun dan Melayu ini hanya terhad kepada penyelidikan yang berfokuskan kepada peribahasa yang berbentuk nasihat atau pedoman. Kajian ini hanya membuat kupasan terhadap semua lima (5) jenis perlambangan yang digunakan dalam peribahasa sebagai limitasi kajian. Kajian peribahasa khususnya bahasa Dusun merupakan sesuatu yang harus diperluas dan diperkembangkan kerana peribahasa merupakan salah satu warisan budaya masyarakat Dusun. Selain itu, kajian ini juga boleh menjadi panduan kepada generasi akan datang untuk memahami persamaan dan perbezaan yang terdapat dalam peribahasa Dusun dan Melayu serta menggalakkan generasi muda untuk terus melakukan penyelidikan dalam bidang bahasa dan budaya warisan dengan lebih kritis.

PENGHARGAAN

Kajian ini tidak dibiayai oleh sebarang geran daripada mana-mana sektor.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisytiharkan tiada konflik kepentingan.

SUMBANGAN PENULIS

Philiadiran Philip (Konseptualisasi, Metodologi, Analisis Formal, Penyelidikan, Sumber, Penulisan - deraf asal)

Mohd Nor Azan Abdullah (Pengesahan, Pengurusan Data, Penulisan - semakan & penyuntingan, Penyeliaan)

RUJUKAN

Abd. Rahman, M. T. (2013). *Kamus Peribahasa Edisi Keempat*. Oxford Fajar Sdn. Bhd.

Abdulhamid, A. (2018). *Abdullah Sidek: Penulis Dan Pendidik Berwawasan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Affandi, Z. (2018). *Manisnya Rambutan Kampung*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ahmad, S. (1985). *Al-Syiqaq I*. Teks Publishing.

Ahmad, Z. A. (1965). *Ilmu mengarang Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Akbar. (2020). Analisis Makna Peribahasa Dalam Bahasa Konjho Kecamatan Sinjai Barat Kabupaten Sinjai. *Jurnal Bahasa Dan Sastra*, 5(1), 93–95. <https://core.ac.uk/download/pdf/289713692.pdf>

Andrea, D., Kasmawati, Nursila, & Adil, Z. A. (2023). Analisis Makna Peribahasa Melayu Kepulauan Riau Dalam Video Youtube Assyria Lover. *SAJAK: Jurnal Penelitian Dan Pengabdian Sastra, Bahasa, Dan Pendidikan*, 2(1), 126–130. <https://doi.org/https://doi.org/10.25299/s.v2i1.9659>

Angelianawati, L. (2018). Philosophical Linguistic Relativity: Sebuah Kajian Tentang Pokok Pikiran Filsafat Relativisme Bahasa. *Jurnal Dinamika Pendidikan*, 10(3), 332–345. <https://doi.org/10.33541/jdp.v10i3.635>

- Anis, Mohd. A. bin, & Esa, A. bin. (2012). Komunikasi berimplikatur: Fungsi dan Peranannya Dalam Masyarakat Melayu Tradisional Berdasarkan Teks Sejarah Melayu. *Seminar Pendidikan Melayu Antarabangsa*, 1–11. <https://1library.net/us/download/886950979507093509>
- Buyoh, R., Kon Ling, J. W., & Loven, C. L. (2021). Kelompok Tema “Tukadan” Dalam Subjek Bahasa Kadazandusun. *Journal of Borneo Social Transformation Studies (JOBSTS)*, 7(1), 148-168. <https://doi.org/10.51200/jobsts.v7i1.3608>
- Cerpen-Cerpen Nusantara Mutakhir. (1991). Penyelenggara : Suratman Markasan. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Daud, M. Z., & Subet, M. F. (2022). Ayam Sebagai Rujukan Makna Inkuisitif Berhati-hati, Sia-Sia dan Khianat Dalam Peribahasa Melayu. *Kajian Malaysia*, 40(1), 179–213. <https://doi.org/10.21315/km2022.40.1.9>
- Gitom, J. S., Bagu, L., Ginsari, S., Baga, V., Molijoh, J. GW., & Malagob, A. (2020). Kearifan Lokal Dalam Peribahasa Dusun. *Prosiding Kolokium Aktiviti Keserjanaan 2020*. <https://online.anyflip.com/aiwpl/wgdm/mobile/index.html>
- Hamzah, Z. A. Z., & Hassan, A. F. M. (2011). Bahasa Dan Pemikiran Dalam Peribahasa Melayu. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 11(3), 31-50. <https://ejournal.ukm.my/gema/article/view/40/34>
- Hassan, A. (1993). *Kamus Peribahasa Lengkap*. Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Hassan, A. (1997). *Canai budi*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Humboldt, W. (1767). From “thought and language” to “thinking for speaking”. Dlm J. J. Gumperz & S.C. Levinson (pnyt.), *Rethinking linguistic relativity*, 70- 76. University Press.
- Hussain, A. (2004). *Kamus istimewa peribahasa Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jalaluddin, N. H. (2014). *Semantik dan akal budi Melayu*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jalaluddin, N. H., & Kasdan, J. (2010). Remaja Malaysia dan Peribahasa Melayu. *Jurnal Linguistik*, 10(Edisi Khas), 158–172. https://myjurnal.mohe.gov.my/filebank/published_article/25100/10.pdf
- Jalaluddin, N. H., Sarudin, A., & Ahmad, Z. (2012). Peluasan Makna Alim: Analisis Semantik Kognitif the Meaning Expansion of Alim: A Cognitive Semantic Approach. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 12(2), 457–473. <https://ejournals.ukm.my/gema/article/view/621/582>
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2005). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kempson, R.M. (1986). Ambiguity and the semantics and pragmatics distinction. In *Meaning and interpretation*, eds. C. Travis, 135–154. Basil Blackwell.
- Kiting, R., & Ganing, P. anak. (2018). Perbandingan poinukadan (peribahasa) Kadazandusun dengan peribahasa Dayak: Satu tinjauan awal. *Jurnal Studi Kultural*, IV(1), 37–43. <http://journals.an1mage.net/index.php/ajsk>
- Kiting, R., Sintian, M., Ganing, P., Taisin, J. N., & Banseng, S. (2022). Manifestasi Kesantunan Bahasa Dalam Puisi Tradisional Etnik Dusun. *Jurnal Peradaban Melayu*, 17(1), 19–26. <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol17.1.3.2022>
- Kiting, R., Tampuling, K., & Loven, C. L. (2017). *Buku Teks Bahasa Kadazandusun Tingkatan 2*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kiting, R., Tampuling, K., & Loven, C. L. (2020). *Kurikulum Standard Sekolah Menengah Bahasa Kadazandusun Tingkatan 5*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lakoff, R. T. (1975). *Language and women’s place*. Harper Colophon.
- Mohd Faizal, N. A., Abdullah Safarizal, N. E., & Mohd Rusli, N. F. (2022). Penggunaan Bahasa Rancu dalam Medium Twitter oleh Generasi Z. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu Malay (Language Education Journal)*, 12(01), 19–28.
- Mohd Hassan, A. T. (1976). SAGA. Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Mohd, A., dan Hassan, A. (2008). *Teori dan teknik terjemahan*. PTS Publications and Distributors.
- Mohd-Azlan, J., Kaicheen, S. S., & Lok, L. (2022). The Distribution and Community's Perception of Flying Fox, *Pteropus vampyrus* in Limbang, a Transboundary Area in Sarawak. *Tropical life sciences research*, 33(3), 195–225. <https://doi.org/10.21315/tlsr2022.33.3.11>
- Murthy, T., & Subet, M. F. (2018). Format Imej Rumput dalam Peribahasa Tamil: Suatu Kajian Semantik Inkuisitif. *Issues in Language Studies*, 7(1), 37–56. <https://doi.org/10.33736/ils.1616.2018>
- Nathesan, S. (2008). *Makna dalam Bahasa Melayu* (2nd ed.). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Omar, A. H. (2003). Language and culture in the civilising process. *Jurnal Peradaban Melayu*. Keluaran 1, 83-106
- Pollard, D. (1997). Picture theory of meaning. In P.V. Lamarque (Ed.), *Concise Encyclopedia of Philosophy of Language*. Pergamon.
- Pugh-Kitingan, J. (2016). *Kadazan Dusun*. Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad.
- Said, R. R., Jamian, A. R., Mohd, A., & Othman, S. S. (2015). Peribahasa Melayu: Kekayaan Unsur KBAT Sebagai Manifestasi Budaya Pemikiran Bangsa. *Bahasa Melayu Dalam Konteks Budaya*. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris Tanjong Malim, Perak, 275-288.
- Saimon, A., & Hamzah, Z. A. Z. (2019). Ujaran Saling Memahami dalam Filem Nordin Ahmad. *Issues in Language Studies*, 8(1), 162–180. <https://doi.org/10.33736/ils.1351.2019>

- Saimon, A., & Rashid, M. A. (2022). Konsep Kepimpinan dalam Peribahasa Melayu : Analisis Semantik Inkuisitif Leadership Concepts in Malay Proverbs: An Inquisitive Semantic Analysis. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*, 12(1), 6–17. <https://doi.org/10.15282/ijleal.v12i1.6839>
- Salim, M. (2011). *Peribahasa Melayu*. K Publishing Sdn. Bhd.
- Sapir, E. (1921). *Language: An introduction to the study of speech*. Harcourt Brace Jovanovich Publishers.
- Sarudin, A., & Shanmugam, P. (2023). Operasi Metafora Nilai Kerajinan dalam Peribahasa Melayu dan Peribahasa Tamil: Analisis Teori Hibrid. *Jurnal Bahasa*, 23(1), 33–64. [https://doi.org/10.37052/jb23\(1\)no2](https://doi.org/10.37052/jb23(1)no2)
- Sinti, R., & Augustine, W. (2016). *Buku Teks Bahasa Kadazandusun Tingkatan 1*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sinti, R., Asin, A., & Suali, M. (2017). *Buku Teks Bahasa Kadazandusun Tingkatan 3*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sinti, R., Bukut, S., Laudi, T., & Nandu, J. (2009). *Buku Teks Bahasa Kadazandusun Tingkatan 4*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sinti, R., Laudi, T., & Ombou, L. (2011). *Buku Teks Bahasa Kadazandusun Tingkatan 5*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sinti, R., Tampuling, K., & Lasion, J. (2019). *Buku Teks Bahasa Kadazandusun Tingkatan 4*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sintian, M. (2019). Penguasaan poinukadan (peribahasa) kadazandusun dalam kalangan pelajar kadazandusun Universiti Pendidikan Sultan Idris. *Proceedings of the 2nd International Conference of Malay Historiographical Literature*.
- Sintian, S. (2012). Poinukadan Kadazandusun: Ditinjau Dalam Aspek Fungsinya. *Seminar Menjejak Warisan Pelbagai Etnik di Sabah*. <https://www.researchgate.net/publication/272359063>
- Subet, M. F., & Md Nasir, M. R. (2019). Analisis Semantik Inkuisitif Peribahasa Bahasa Melayu (Inquisitive Semantics Analysis in the Malay Language Proverbs). *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 16(2), 227–253. <https://doi.org/10.32890/mjli2019.16.2.9>
- Teo, K. S. (2019). *Bahasa Dan Masyarakat*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Ismail, W. N., Samian, A. L., & Muslim, N. (2016). Ayam Dalam Peribahasa Melayu: Lambang Keintelektualan Masyarakat. *Rampak Serantau*, 26(1), 90-119.
- Wan Mansor, N.A., & Jalaluddin, N. H. (2015). Deria rasa dalam kiasan Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Journal Pertanika Mahawangsa*, 2(1), 1-16.
- Wardhaugh, R. (2006). *An introduction to Sociolinguistics*. Blackwell.
- Wati, A. (1969). *Gandaria*. Penerbitan Pustaka Antara.
- Zahid, I. (1998). Peribahasa Melayu: Satu klasifikasi yang tiada penentu. *Jurnal Dewan Bahasa*, 42(11), 979-984.